

**Kedah Rancang Bina Rumah Mampu Milik Untuk Penduduk Luar Bandar - Mukhriz Bernama**  
**19 Mei, 2013**

PENDANG, 19 Mei (Bernama) -- Kerajaan negeri Kedah merancang membina rumah mampu milik untuk rakyat di kawasan luar bandar, kata Menteri Besar Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir.

Mukhriz berkata perancangan itu dibuat selaras dengan aku janji Barisan Nasional (BN) Kedah bagi menyelesaikan masalah perumahan masyarakat luar bandar yang tidak mempunyai rumah sendiri.

Beliau berkata pihaknya akan mengenal pasti tanah di kawasan tertentu untuk membina kira-kira 100 hingga 200 rumah mampu milik dan mengadakan kampung tersusun seperti di Changlun.

"Kalau boleh kita akan bina rumah seperti kampung terancang di setiap daerah. Setiap daerah kita buat satu kampung tersusun, ia mudah bagi penduduk luar bandar yang tak ada rumah untuk beli rumah di kawasan itu.

"Kita tak bincang lagi secara menyeluruh, tapi saya ingat kita akan buat projek perintis dan akan tengok adakah formula tersebut berjaya dan diterima baik," katanya kepada pemberita pada majlis kenduri kesyukuran di Pejabat Umno Bahagian Pendang Ahad.

Mukhriz berkata bagi mereka yang mempunyai tanah dan tidak memiliki rumah, pihaknya akan mencari pendekatan dan formula terbaik bagi menyelesaikan masalah itu secepat mungkin.

Mengulas projek perumahan bermasalah yang dijalankan kerajaan negeri pimpinan PAS sebelum ini, beliau berkata pihaknya akan melakukan kajian secara menyeluruh dan menyemak semula projek itu sebelum membuat sebarang keputusan.

"Kita nak lihat lokasi, kualiti dan harga yang perlu kita ambil kira. Saya tak mau gelojoh untuk buat keputusan, kita juga ambil kira sama ada projek tersebut boleh diselamatkan atau tidak.

"Soal dana tak cukup kita boleh usahakan, dan jika projek perumahan tersebut tidak dapat permintaan atas faktor geografi, kita tak akan buat sebab takut bazirkan duit," katanya.

Dalam perkembangan lain, Mukhriz berkata kerajaan negeri meminta Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak memberi tumpuan khas kepada Kedah selepas rakyat memberi mandat kepada BN untuk memerintah semula negeri ini.

Beliau berkata Kedah agak terpinggir daripada arus pembangunan dan memerlukan perhatian untuk mencari formula terbaik bagi membawa masuk pelabur asing serta membuka peluang pekerjaan.

Katanya, kerajaan negeri mahu Kedah maju seiring pemodenan negara dan yakin dengan bantuan kerajaan Persekutuan, hasrat itu akan tercapai.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=950711>